

27/10/2002

Air: Singapura menggelabah kenyataan Rais

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR: Singapura mula gelabah dengan kata dua Malaysia yang bercadang menggubal akta berkaitan air dan sekali gus boleh memansuhkan Perjanjian Air 1961 dan 1962 berikutan sikap berdolak dalik republik itu dalam mencari penyelesaian terhadap rundingan semakan harga air.

Republik itu, dalam reaksi pertama terhadap kemungkinan itu, sekadar mampu berkata bahawa kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, bahawa Malaysia boleh menggubal akta berkenaan, sebagai bercanggah dengan janji dan jaminan sebelum ini.

"Kenyataan Dr Rais tidak selari dengan jaminan berulang kali Kerajaan Malaysia bahawa Perjanjian Air 1961 dan 1962 akan dihormati," kata seorang pegawai Kementerian Hal Ehwal Luar Singapura yang dipetik akhbar Straits Times Singapura semalam.

Khamis lalu, Dr Rais ketika mengingatkan Singapura bahawa Malaysia tidak ketandusan cara, berkata negara boleh berbuat sedemikian sekiranya republik itu terus berdolak dalik dalam rundingan semakan harga air dengan membuat tawaran harga yang tidak munasabah.

"Saya menganjurkan Singapura kena faham, kita boleh berbuat demikian (mewujudkan akta baru). Malaysia boleh meneroka perundangan sendiri dan ini adalah kemungkinan besar saya kira jika apa yang ditawarkan Singapura tidak masuk akal," katanya.

Pegawai Kementerian Hal Ehwal Luar Singapura itu berkata, sebelum ini pemimpin negara berulang kali memberi jaminan akan menghormati kedua-dua perjanjian itu walaupun jelas tidak berpuas hati dengan perjanjian yang merugikan Malaysia itu.

Katanya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi tahu wartawan pada Mei lalu bahawa Malaysia "terikat" dengan dua perjanjian air dan tidak boleh memansuhkannya.

Malah, katanya, pada Ogos lalu Perdana Menteri sekali berkata: "Hakikatnya, menurut perjanjian berkenaan, kami (Malaysia) perlu membekalkan mereka (Singapura). Kami akan teruskan, kami sudah berjanji kepada mereka dan kami akan bekalkan mereka dengan air.

Beliau juga berkata, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, juga memasukkan jaminan sama dalam kenyataan pembukaan pada mesyuarat peringkat Menteri berhubung isu dua hala di Putrajaya pada Julai lalu.

Dr Mahathir, pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno berkata, Malaysia akan mengkaji dari segi undang-undang berhubung tindakan yang perlu diambil jika rundingan semakan harga air dengan Singapura terus buntu.

Perdana Menteri juga sekali lagi mengingatkan Singapura bahawa air mentah yang dibekalkan Malaysia adalah untuk keperluan harian saja walaupun negara memberi jaminan akan terus membekalkan air mentah kepada Singapura mengikut Perjanjian Air 1961 dan 1962.